

02 OCT 1998

Umno-Wilayah

UMNO WILAYAH PERSEKUTUAN TIDAK TERLIBAT DALAM PAKATAN

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Kesemua 11 bahagian UMNO Wilayah Persekutuan tidak terlibat dalam komplot menjatuhkan kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan Datuk Suleiman Mohamed berkata hasil pemeriksaan mendalam yang dijalankan mendapati tidak ada mana-mana bahagian UMNO Wilayah terlibat dalam pakatan menjatuhkan Perdana Menteri.

"Kita dengar bahawa ada empat bahagian yang dikatakan terlibat iaitu Batu, Cheras, Kepong dan Bandar Tun Razak. Kita telah meneliti perkara ini secara mendalam dan mendapati empat bahagian itu tidak terlibat," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Suleiman juga berterima kasih kepada polis kerana membebaskan Ketua Umno Bahagian Bandar Tun Razak Tamunif Mokhtar daripada tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri semalam.

Tamunif ditahan untuk siasatan berikutan perhimpunan haram dan kekacauan di ibu negara berikutan pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kabinet 2 Sept lalu dan daripada parti sehari kemudian.

Awal petang ini, Ketua UMNO Bahagian Cheras Syed Ali Alhabshee berkata bahagiannya tidak terlibat dalam sebarang pakatan atau usaha untuk menjatuhkan kepimpinan Dr Mahathir.

Beliau mengulangi pendirian untuk berdiri teguh di belakang kepimpinan Dr Mahathir selaku Presiden UMNO dan Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas dakwaan Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat kononnya sebanyak 90 bahagian Umno telah diberi imbuhan dan peruntukan menjatuhkan Dr Mahathir.

Katanya UMNO Cheras tidak akan berdiam diri dan akan menentang mana-mana anasir yang cuba "menangguk di air yang keruh" untuk mengganggu gugat kestabilan negara dan mencemarkan kepimpinan Dr Mahathir.

Syed Ali menggesa Mohamed supaya memberi penjelasan terbuka mengenai perkara itu kerana ia telah menimbulkan rasa syak wasangka dan saling tuduh menuduh di kalangan pemimpin UMNO sekarang.

Oleh kerana isu itu adalah sensitif dan telahpun menimbulkan tuduh-menuduh antara satu sama lain, maka Mohamed tidak boleh berdiam diri dan menyerahkan penyelesaian kepada Majlis Tertinggi tetapi beliau mesti membuktikan tuduhannya itu.

-- BERNAMA
MAM ZKS AKD